

Pas cemar imej agama, umat Islam

BH - 2 MAY 1992

PAPAR, Jumaat — Hasrat kerajaan Kelantan mahu melaksanakan hukum hudud kinimence-markan imej agama dan umat Islam di dalam serta luar negara kerana pelbagai ugutan yang menakutkan orang bukan Islam.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berharap Kerajaan Kelantan termasuk Menteri Besar, Nik Aziz Nik Mat, kaji dahulu hukum hudud sebelum dilaksanakan.

Ini, katanya, bukan hanya kerana "d'engan melaksanakan hukum hudud barulah rakyat menjadi Islam.

"Umat Islam juga dikatakan tidak Islam, jika mereka tidak melaksa-

nakan oleh hukum hudud. Jika begini anggapan Nik Aziz, lebih 90 peratus rakyat di dunia ini bukan Islam kerana mereka tidak melaksanakan hukum hudud itu." katanya berucap kepada lebih 1,000 masyarakat Islam selepas menaikan fardu Jumaat di Masjid Pekan Papar di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, banyak juga negara Islam di dunia tidak melaksanakan hukum hudud kerana pelbagai sebab.

Oleh itu, katanya, mereka yang bergama Islam terutama di Kelantan haruslah lebih berhati-hati agar mereka tidak terbawa-bawa mengenai pelaksanaan hukum itu kerana jika ia dilaksanakan juga

dalam apa jua keadaan ia akan membinasakan agama Islam itu sendiri.

Katanya, sanggupkah rakyat Kelantan melihat rakan mereka beragama Islam kudung kaki dan tangan sedangkan bukan Islam bersenang-lenang kerana tidak terikat dengan hukum hudud itu.

Katanya, bagaimana umat Islam hendak bersaing dengan bukan Islam dalam apa jua bidang jika mereka kehilangan pancaindera disebabkan pelaksanaan hukum itu yang hanya bertujuan politik.

Menurutnya, hasrat Pas melaksanakan hukum hudud di Kelantan hanyalah semata-mata bertujuan politik kerana membalas dendam kepada Ummah.

Katanya, hakim yang dilantik itu nanti sudah tentu tidak dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan kerana terbawa-bawa dengan politik Pas.

Dr Mahathir berbangga kerana orang Islam di negara ini kini dapat hidup rukun dan damai dengan kaum bukan Islam tanpa berlaku sebarang pendindasan dan ini menunjukkan Malaysia yang dipertintah oleh Islam dapat mentadbirkannya dengan baik dan adil.

Perdana Menteri juga menasihatkan umat Islam di negara ini agar menghormati masyarakat bukan Islam bagi menjamin kestabilan politik di negara ini.